

PM nasihat pelabur jangan terperangkap

17 APR 2002

ALOR SETAR 26 April Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan orang ramai agar tidak lagi terperangkap dengan cara-cara melabur yang dikatakan boleh memberikan pulangan luar biasa.

Kata beliau, tidak ada pelaburan yang boleh memberi pulangan sehingga 100 peratus atau lebih dan jika ada yang menjanjikan demikian, ia bertujuan untuk menipu.

"Sering berlaku ialah pelaburan piramid di mana dengan pelaburan yang sedikit, pelabur akan mendapat pulangan yang berkali ganda," katanya ketika berucap pada majlis penutuan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM 2002) di sini hari ini.

Menurut beliau, ini dibuat dengan menggunakan wang daripada pelabur-pelabur baru yang ramai untuk membayar kepada pelabur lama dan selagi ada pelabur baru, selagi itu bayaran boleh dibuat.



Bagaimanapun, ujarnya, akan sampai ketika para pelabur baru berkurangan ataupun tidak ada lagi dan ini akan menyebabkan pelabur lama tidak akan menerima apa-apa pulangannya.

"Pada masa itu ramai akan kehilangan wang yang dilabur dan jelas sekali pelaburan seperti ini tidak sihat dan berbahaya," katanya.

Menurut Perdana Menteri, adalah lebih sihat rakyat melabur dalam saham amanah yang memberi pulangan yang berpatutan dengan risiko yang tidak terlalu tinggi daripada melabur dalam skim-skim cepat kaya yang tetap akan merugikan.

"Biarlah lambat kaya, asalkan selamat," kata Dr. Mahathir lagi.

Para pelabur yang melabur dalam saham amanah, wang mereka dikumpul untuk dilabur dalam sebilangan besar syarikat yang berpotensi memberikan pulangan baik, kata beliau.

Beliau berkata, jika mana-mana syarikat mengalami kerugian, kesannya dikurangkan oleh banyak syarikat lain yang berprestasi baik.

Selain itu, kata Dr. Mahathir, saham amanah boleh menerima pelaburan yang kecil yang akan menikmati kepakaran pengurusan pelaburan yang dibuat oleh pengurusan saham amanah.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menyatakan, para pelabur perlu menerima hakikat bahawa melabur seperti juga dengan perniagaan lain, menghadapi kemungkinan untung dan rugi.

"Sikap hanya sanggup menerima untung tetapi menganggap kerugian sebagai perkara yang tidak boleh berlaku dan tidak boleh diterima adalah tidak realistik," kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, yang biasa tidak rugi hanyalah memakan bunga dari pemberian hutang dan ia adalah haram sementara keuntungan yang tetap adalah sama dengan bunga dan dianggap haram bagi orang Islam.

Beliau menarik perhatian, menyimpan wang tanpa dilabur tetap juga merugikan kerana inflasi yang berlaku sepanjang masa akan menyusutkan nilai wang yang disimpan.

Katanya, adalah lebih baik wang dilabur dan tidak disimpan begitu sahaja.

Katanya, wang yang disimpan di Tabung Haji atau dicarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga dilabur supaya tidak susut nilai.

"Inilah cara-cara menguruskan wang," katanya dan menambah bahawa wang mesti dianggap sebagai modal untuk dilabur supaya bertambah dan kecekapan melabur perlu ada kepada setiap orang.